

36 pelajar cemerlang lawat UMS-KAL

LABUAN: Seramai 36 pelajar cemerlang dari Semenanjung Malaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Jalan Sungai Pagar, kelmarin.

Mereka terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat dari Kelantan, Terengganu, Pahang, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mengikuti program Integrasi Ilmu: Titian Padu peringkat kebangsaan 2012.

Lawatan ke UMS-KAL itu adalah antara program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 hingga 24 November 2012.

Taklimat mengenai UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu

yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Ahli akademik, Shamsulbahri Mohd Nasir menyampaikan taklimat mengenai Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) manakala taklimat mengenai Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) disampaikan pensyarah, Nona Masni dan Penolong Pegawai Tadbir, Mohd Mohizam.

Rombongan pelajar yang diiringi pegawai JPNIN itu kemudiannya melawat Tingkat 13 yang menempatkan lokasi melihat anak bulan Ramadan dan meninjau pemandangan indah dan menarik sekitar Wilayah Persekutuan Labuan.

Sepanjang berada di pulau ini, peserta program itu turut mengunjungi jabatan dan

agensi kerajaan termasuk Jabatan Pelajaran, Labuan FSA, Kolej Matrikulasi Labuan, JPNIN, Labuan FM dan tempat-tempat menarik dan bersejarah seperti Taman Damai di Layang-Layangan, Chimney di Tanjung Kubong dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Mereka juga berpeluang mendalami pembuatan kuih kelupis, jelurut dan ambuyat serta mengetahui adat resam dan budaya masyarakat tempatan melalui tarian, pakaian dan makanan.

Pengarah JPNIN Labuan, Mimie D Selvakumar berkata antara objektif program itu ialah mengenali adat resam dan cara hidup serta pantang larang kaum-kaum di Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengukuhkan perpaduan dan integrasi

nasional.

Selain itu, untuk mempertingkatkan interaksi sosial dan menggalakkan percambahan perasaan kekitaan bagi mengukuhkan perpaduan nasional.

"Kami berharap peserta program akan mengenali dengan lebih dekat Labuan yang telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984, destinasi pelancongan, pendidikan dan ekonomi yang terkenal di rantau ini," katanya.

Mimie berkata, sepanjang berada di sini, mereka tinggal bersama keluarga angkat di Kampung Bukit Kuda.

Katanya, majlis penutupan akan diadakan di Fisherman Wharf Jumaat ini yang akan dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan masyarakat setempat dan peserta program.



PESERTA program Integrasi Ilmu bergambar kenangan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.